

11 AUG 2001
Sukan-Kart
SAJIBUMI MALAYSIA KEPINGIN JADI JUARA

LANGKAWI 11 Ogos (Bernama) -- Sajibumi Malaysia yang dibarisi pelumba muda menaruh harapan untuk menjuarai Kejohanan Kart Indy 40 Enduro Langkawi 2001 merebut Piala Perdana Menteri di litar Antarabangsa Kart Morac di sini, esok.

Pelumba terbaik pasukan itu, Nik Iruwan Izani, 16, berkata pasukan itu akan berusaha menjuarai kejohanan itu bagi memperbaiki kedudukan tempat ketiga pada kejohanan lepas.

"Kita akan mencuba sedaya upaya bagi memastikan kejayaan cemerlang itu dikecapi tahun ini dengan menjadikan pasukan Jepun dan United Kingdom sebagai cabaran sengit," katanya selepas menyertai ujian masa acara itu di litar berkenaan di sini, hari ini.

Tiga lagi pelumba pasukan itu ialah Mohd Rohairijaz Mohd Ropin, Aaron Lim Say Joon dan Raja Arfiz Shah Putra yang akan berganding bahu memastikan kemenangan.

Sajibumi memperolehi petak kelima dalam ujian masa itu untuk merebut kejuaraan Indy 40 Enduro esok.

Perlumbaan tahan lasak tanpa henti selama empat jam itu menawarkan hadiah keseluruhan RM100,000 dengan johan menerima RM40,000, naib johan RM30,000 dan ketiga RM20,000.

Pasukan pilihan, Capital Rent A-Car dari United Kingdom, diketuai pelumba Mark Morisley memperolehi petak pertama pada ujian masa hari ini.

Hanya seorang pelumba terbaik dipilih untuk menyertai ujian masa manakala tiga pelumba lagi akan turun berlumba esok.

Juara bertahan GP3 Malaysia yang diketuai pelumba kebangsaan, Kefli Othman, hanya mampu menempah tempat ke-18.

Dua pasukan Jepun, Nuova Kart Racing dan Trenta Quattro, masing-masing memperolehi petak ketiga dan keempat manakala pasukan dari Jerman, Nolsher Audi, di petak ke-17.

Pelumba terbaik Jepun Takamitsu Hayakawa menjadi harapan untuk membantu Nuova menjuarai kejohanan itu.

Sementara itu, Mahathir Ngaau turut menempah ke pusingan kelayakan bagi acara Rotax Max Antarabangsa terbuka di litar yang sama.

Sebanyak 32 pasukan termasuk tujuh dari Jepun, Jerman, Singapura, Indonesia, United Kingdom dan Malaysia menyertai kejohanan itu.

Kejohanan dua hari itu dianjurkan bersama oleh Mofaz Motorsport, Langkawi Motorsport Club (LMC) dan Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) sempena menyambut Hari Kebangsaan.

-- BERNAMA

ZI NAK